



20 APR, 2021

## Ramadan beri rezeki berganda kepada peladang, peniaga tembikai di Terengganu

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### Ramadan beri rezeki berganda kepada peladang, peniaga tembikai di Terengganu

**KUALA TERENGGANU:** Tradisi penduduk Terengganu yang menjadikan tembikai atau lebih dikenali sebagai 'timun cina' sebagai buah-buahan 'wajib' apabila berbuka puasa membawa rezeki berganda kepada peniaga dan peladang tempatan.

Seorang peladang, Baharudin Ibrahim, 53, berkata berdasarkan pengalamannya selama 15 tahun berkecimpung dalam penanaman tembikai, permintaan akan meningkat dua kali ganda pada Ramadan, berbanding bulan biasa.

"Tambahan pula, cuaca panas terik ketika ini menyebabkan tembikai sentiasa laris di pasaran. Kebanyakan peladang pun biasanya sudah merancang jadual penanaman agar tembikai dapat dituai sepanjang Ramadan.

"Darisegipasaran memang tiada masalah kerana saya baru sahaja menandatangani perjanjian jual beli ladang kontrak dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk membekalkan sebanyak 60 tan tembikai

kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu pada Ramadan kali ini," katanya ketika dihubungi Bernama semalam.

Ketika ini, Terengganu mempunyai tiga daerah utama yang menjadi pusat pengeluaran hasil tembikai untuk pasaran seluruh negara iaitu Setiu, Besut serta Marang.

Seorang peniaga buah-buahan, Fauzilah Ibrahim, 52, berkata tembikai adalah buah yang paling laris di gerainya dekat Gong Badak, Kuala Nerus setiap kali Ramadan menjelma kerana ia adalah buah kegemaran rakyat Terengganu untuk berbuka puasa.

"Selain rasanya yang sedap, ia juga sesuai dijadikan jus segar bagi mengembalikan tenaga setelah seharian berpuasa....uniknya orang Terengganu ni, tembikai pun boleh dijadikan 'ulam' untuk dimakan bersama nasi.

"Setakat tujuh hari kita berpuasa ni, boleh dikatakan permintaan meningkat 20 peratus....ada juga pelang-

gan tetap yang memang beli setiap hari kerana stok tembikai yang saya jual ini adalah baru dituai dari ladang sekitar Kuala Terengganu dan Setiu, jadi buahnya lebih manis dan segar," katanya yang menjual tembikai pada harga RM3 untuk satu kilogram.

Sementara itu, Pengarah FAMA Terengganu Che Ghani Che Wan berkata pihaknya telah menandatangani perjanjian jual beli tembikai sebanyak 330 metrik tan untuk memenuhi permintaan yang dijangka meningkat sepanjang Ramadan kali ini.

"Perjanjian jual beli bernilai lebih RM264,000 ini bertujuan memudahkan petani memasarkan hasil keluaran tembikai di ladang mereka dengan harga stabil sekali gus mengelakkan ketidakstabilan harga akibat campurtangan orang tengah.

"Pada masa sama, ini akan memastikan bekalan tembikai yang berkualiti dan mengikut spesifikasi ditetapkan sentiasa mencukupi di pasaran tempatan," katanya. — Bernama



20 APR, 2021

## Ramadan beri rezeki berganda kepada peladang, peniaga tembakai di Terengganu

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALATERENGGANU: Tradisi penduduk Terengganu yang menjadikan tembakai atau lebih dikenali sebagai 'timun cina' sebagai buah-buahan 'wajib' apabila berbuka puasa membawa rezeki berganda kepada peniaga dan peladang tempatan. Seorang peladang, Baharudin Ibrahim, 53, berkata berdasarkan pengalamannya selama 15 tahun berkecimpung dalam penanaman tembakai, permintaan akan meningkat dua kali ganda pada Ramadan, berbanding bulan biasa. "Tambahan pula, cuaca panas terik ketika ini menyebabkan tembakai sentiasa laris di pasaran.